

PENGENALAN

Pada 17 hingga 19 Januari 2014, Kolej Tiga Belas telah menganjurkan Program Transformasi Mahasiswa Berilmu Berbakti Felda Mengkuang 2014 di negeri Pahang. Program ini dianjurkan oleh Majlis tertinggi Mahasiswa dan Pihak Pengurusan Kolej Tiga Belas yang melibatkan 3 orang staf daripada Pihak Pengurusan Kolej Tiga Belas serta 77 orang warga Kolej Tiga Belas.

OBJEKTIF

- 1) Untuk memupuk semangat toleransi dan kerjasama antara mahasiswa Kolej Tiga Belas, kakitangan UPM dengan komuniti setempat secara berterusan dan berinteraksi serta menjalin hubungan yang lebih utuh antara satu sama lain.
- 2) Untuk meningkatkan tahap pendidikan berkaitan dengan keselamatan, kerohanian dan keusahawanan kepada komuniti Felda Mengkuang serta dijadikan sebagai perkongsian ilmu dan pengetahuan tentang pertanian daripada pakar-pakar Universiti Putra Malaysia kepada komuniti setempat dengan mempraktikkan pelaksanaan bumi hijau.

PELAKSANAAN

Program ini dirasmikan oleh Ketua peneroka Felda Mengkuang iaitu Encik Yunus Othman, serta Pengurus Felda Mengkuang iaitu Encik Abdul Rahman Ismail dan Encik Nazeri Naser yang merupakan Ketua Umno cawangan Felda Mengkuang. Program ini mempunyai pelbagai aktiviti menarik seperti sukaneka bersama keluarga angkat masing-masing, futsal bersama penduduk setempat Felda Mengkuang, Mengkuang race di sekitar kawasan Felda dan pertandingan Masterchef bagi kalangan ibu-ibu angkat. Semasa mengadakan Mengkuang race itu, para peserta berpeluang merasai pengalaman melawat di sekitar kampung sambil mengamati kehidupan masyarakat seharian setempat di sekitar kawasan tersebut.

HASIL PEMBELAJARAN

- 1) Mengeratkan ukhuwah yang terjalin antara keluarga angkat dan para peserta.
- 2) Melahirkan mahasiswa yang berpendidikan tinggi dari pelbagai aspek ilmu luar seperti pengetahuan mengenai ilmu pertanian kepada komuniti.
- 3) Perkongsian ilmu dan pengalaman dalam kalangan pelajar semakin meluas melalui program ini.

PENGHARGAAN

- 1) Majlis Tertinggi Mahasiswa Kolej Tiga Belas Sesi 2013/2014.
- 2) Pihak pengurusan Kolej Tiga Belas.
- 3) Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia.
- 4) Penduduk Felda Mengkuang.
- 5) Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B Dato' Seri Ismail Sabri Yaakob.



Kedatangan pelajar Kolej Tiga Belas ke Felda Mengkuang disambut dengan paluan kompang.



PELAKSANA PROGRAM

Pengarah: Muhammad Aliff Man Timó. Pengarah: Hamzah Fawwaz Abd Ghani

Setiausaha: Nurul Zulaika Mohamad
Ketua Aktiviti: Mohd Zafir Musa



Peserta yang menjayakan Program Transformasi Mahasiswa Berilmu Berbakti - Felda Mengkuang 2014 anjuran Sekretariat Teknologi Hijau.



Permainan tradisional bersama penduduk kampung.



Sekolah Kebangsaan Mengkuang menjadi sekolah angkat Kolej Tiga Belas.



Pelajar SK Mengkuang teruja dengan pelaksanaan program tersebut.



Tarik pih antara aktiviti yang dijalankan di SK Mengkuang.



Hubungan silaturrahim antara para peserta dan pelajar sekolah dapat dijalinan melalui program ini



Memasak bersama-sama mampu mengeratkan lagi hubungan antara peserta



Hubungan kekeluargaan dapat dijalin antara peserta dan keluarga angkat

